

# Guru yang merdeka

UB 05.09.2012 54



**MINDA PENDIDIK**

**MUHAMAD SUHAIMI TAAT**

Bersama,  
Mohd Yusof Abdullah, Baharom  
Mohamad, Roslee Talip, Abdul Said  
Ambotang dan Shukri Zain

(Siri 2)

Pada ruangan minggu lalu, saya telah mengulas berkaitan sifat atau ciri guru yang merdeka dalam erti kata sebenar. Justeru saya ingin menyambung sedikit lagi berkaitan isu itu agar dapat menjadi pedoman dan iktibar kepada diri saya

sendiri dan juga kepada para pembaca budiman sekalian. Antara aspek utama yang perlu dimerdekakan adalah aspek pemikiran yang sepatutnya bebas daripada cengkaman penjajah. Rata-rata banyak aspek pendidikan merujuk kepada sarjana Barat sama ada dalam bentuk teori ataupun model pengajaran dan pembelajaran. Tidak ramai dalam kalangan warga pendidik yang merujuk kepada teori atau model sarjana Timur. Sebenarnya tidak salah untuk mengambil idea dan teori-teori berkenaan, namun sebaik-baiknya haruslah melihat kepada kesesuaian dan senario persekitaran di negara ini.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menegaskan bahawa matlamat utama pendidikan adalah untuk melahirkan insan berketrampilan dan juga seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek pelajar. Kejayaan untuk membentuk sahsiah pelajar dan memastikan proses kemenjadian pelajar berjalan dengan lancar bergantung pada keupayaan guru melaksanakan tugas sebagai seorang guru 'syumul' ketika di sekolah. Syumul bermaksud guru yang memiliki ciri-ciri sebagai seorang murabbi (pengasuh), mursyid (pemberi petunjuk), muaddib (penunjuk adab), muallim (pemberi ilmu pengetahuan), dan mudarris (pengajar mata pelajaran). Ketidakefektifan sebahagian guru untuk berfungsi dengan ciri-ciri tersebut mungkin disebabkan oleh 'mind-set' atau paradigma yang agak sempit yang hanya melihat peranan guru lebih kepada aspek pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Sedangkan amanah atau tanggungjawab yang perlu ditunaikan adalah lebih jauh daripada itu dan melangkaui batasan kawasan sekolah. Tidak dinafikan bahawa bukan mudah untuk menjadi guru 'syumul', namun sekiranya mempunyai niat yang ikhlas dan iltizam serta keazaman yang jitu, maka ia boleh dicapai. Tidak ramai guru yang memiliki kesemua ciri tersebut yang mungkin disebabkan pelbagai faktor antaranya adalah jati diri, personaliti, gaya pertautan yang dimiliki, dan juga kepercayaan guru itu sendiri.

Sering kedengaran isu kemampuan pelajar untuk berjaya dalam ketiga-tiga aspek pendidikan iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Umum mengetahui bahawa ramai pelajar yang berjaya di dalam bidang akademik (kognitif atau psikomotor), tetapi tidak semua pelajar tersebut turut cemerlang dari aspek afektifnya. Telah berlaku beberapa kes pelajar cemerlang yang dihantar melanjutkan pelajaran khususnya ke luar negara mengalami kejutan budaya yang begitu kronik yang akhirnya berubah kepada individu yang amat berbeza daripada sebelumnya. Kalau pada awal pemergian mereka ke luar negara adalah demi mendapatkan segulung ijazah dan meneruskan kejayaan cemerlang yang pernah dikecapi dan dibanggakan, tetapi lain pula yang berlaku. Hal ini amatlah menyedihkan kerana kita mengetahui bahawa pelajar-pelajar cemerlang ini dibiayai sepenuhnya oleh pihak kerajaan yang nilainya mencecah ratusan ribu ringgit bagi seorang pelajar. Jumlah tersebut adalah besar dan dapat membiayai jumlah berganda pelajar kita yang belajar di dalam negara. Kita tidak menafikan hak pelajar-pelajar cemerlang tersebut untuk mendapatkan pendidikan di universiti-universiti terbaik di dunia, tetapi apa yang dikesali adalah pudarnya nilai agama dan nilai murni serta jati diri dan amalan budaya timur yang sepatutnya dikekalkan walaupun berada di negara orang. Ini juga disebabkan oleh pemikiran dan jiwa mereka yang keblai dijajah oleh anasir-anasir negatif penjajah dahulu kala.

Justeru, untuk menangani masalah tersebut, kecemerlangan pelajar seharusnya dilihat dan dinilai dari sudut dan perspektif yang lebih luas khususnya melibatkan faktor afektif iaitu emosi dan jiwa pelajar. Sehubungan itu juga, dewasa ini (sebenarnya sejak dari dahulu lagi) kebanyakan pakar pendidikan sama ada sarjana Islam atau Barat memberi penekanan yang seimbang kepada aspek SQ (spiritual) dan EQ (emotional) di samping aspek IQ (intelligence). Kesedaran untuk memberikan penekanan terhadap kedua-dua aspek atau elemen tersebut dilihat sebagai satu perkara kritikal bagi melahirkan insan pelajar seimbang iaitu bukan sahaja memiliki daya intelek dan kemahiran tinggi, malah memiliki jiwa, semangat, dan emosi yang kuat dan jitu yang tidak mudah terjebak dalam sebarang kancang yang boleh memudaratkan diri sendiri. Maka di sini peranan utama yang harus dilaksanakan oleh insan pendidik di sekolah agar tidak hanya memberikan keutamaan kepada pencapaian akademik semata-mata dan melupakan aspek kemanusiaan yang juga penting iaitu emosi dan jati diri pelajar.

Hakikatnya tugas, tanggungjawab dan peranan guru sejak akhir-akhir ini menjadikan profesion keguruan lebih mencabar dan menuntut guru bersedia dari pelbagai aspek. Tekanan dalaman dan luaran yang terpaksa dihadapi oleh guru kadang-kadang menjadikan diri mereka kurang berupaya memberikan fokus kepada matlamat utama pendidikan iaitu membentuk dan melahirkan pelajar yang seimbang kecemerlangannya. Tidak kurang juga terdapat segelintir guru yang hanya berperanan sebagai pendidik di dalam kawasan sekolah sahaja dan tidak mempedulikan apa yang berlaku kepada pelajar mereka di luar kawasan sekolah. Malah terdapat juga sebahagian guru yang susah untuk didekati atau memberikan bantuan dan bimbingan di luar bilik darjah.

Mungkin terdapat sebahagian guru yang berpendapat adalah tidak adil menyalahkan kemerosotan sahsiah pelajar di bahu mereka sahaja. Kenyataan tersebut ada benarnya, namun kita tidak mahu ibarat kisah 'bangau oh bangau' yang selalu menuding jari ke arah orang lain tanpa membuat refleksi sendiri. Guru akan kurang merasa terbeban sekiranya segala apa yang dilaksanakan dimulakan dengan niat yang ikhlas, dijalankan dengan bersungguh-sungguh dan disertakan dengan penuh rasa kegembiraan. Sekiranya seseorang guru itu telah melakukan yang terbaik demi memastikan pelajar menjadi insan berketerampilan dan seimbang, maka tiada apa yang perlu disesalkan sekiranya tidak semua yang dirancang dan dilaksanakan menjadi satu kenyataan, seperti mana yang selalu kita ucapkan iaitu manusia hanya merancang namun tuhan yang menentukan. Tetapi persoalannya sejauh manakah perancangan dan pelaksanaan guru ke arah kemenjadian pelajar yang seimbang. Walaupun guru pada dasarnya adalah seorang pengajar, tetapi realitinya seorang guru yang baik akan terus belajar dari kesilapan dan kelemahan yang ada pada dirinya demi kemaslahatan anak didik yang disayangi kerana pembelajaran masih berlaku selagi hayat dikandung badan. Akhirnya, marilah kita bersama-sama mentransformasikan dan memerdekakan diri secara total daripada belenggu penjajah agar profesion keguruan kembali disegani dan dihormati sepertimana suatu ketika dahulu.

\*Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.